

## **PERKAUMAN DAN PERPADUAN**

OLEH  
SANUSI OSMAN  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **SINOPSIS**

*Disamping menganalisa punca-punca yang menimbulkan perasaan perkauman di negeri ini, kertas ini juga cuba membincangkan kesan perasaan perkauman terhadap usaha mewujudkan perpaduan nasional. Perbincangan-perbincangan ini diasaskan kepada penyelidikan yang dilakukan di Labu, Negeri Sembilan dan di Kawasan Majlis Bandaran Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa di antara punca penting yang menimbulkan perasaan perkauman ialah persaingan di antara kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan untuk mendapatkan lebih banyak kuasa politik dan ekonomi.*

### **SYNOPSIS**

*Apart from analysing the sources of communalism in this country, this paper attempts to discuss the effect of communalism on effort to establish national unity. The discussion for this paper is based on research carried out at Labu, Negeri Sembilan and Malacca Municipality. The study shows that one of the major causes of communalism is the competition among the different ethnic groups for greater political and economic power.*

### **PENGENALAN**

Perhubungan diantara kumpulan ethnik biasanya menjadi renggang dan tegang apabila perasaan perkauman diperlalatkan oleh sesuatu golongan tertentu untuk menyatupadukan anggota-anggota kumpulan ethniknya bagi mendapatkan tujuan-tujuan tertentu sama ada politik atau ekonomi. Apabila perasaan perkauman ditonjol-tonjol sehingga menjadi satu prinsip penting dalam sebuah masyarakat yang berbilang ethnik, besar kemungkinan ia akan menimbulkan berbagai reaksi dikalangan anggota-anggota kumpulan ethnik yang berlainan.

Pertentangan dan persaingan diantara kumpulan ethnik biasanya akan berlanjutan oleh sebab tiap-tiap kumpulan ingin memelihara dan mempertahankan kedudukan dan kepentingan masing-masing. Malah pertentangan dan persaingan ini akan menjadi bertambah hebat sekiranya kumpulan-kumpulan ethnik tadi saling menjadikan kumpulan ethnik lain sebagai ‘scapegoat’ nya. Apabila perasaan perkauman menjadi bertambah kuat, setiap keputusan baik politik maupun ekonomi akan dipengarohi oleh perasaan ini. Akibatnya akan ujud kumpulan ethnik tertentu yang akan diberi keutamaan dengan membela-

kangkan kumpulan-kumpulan ethnik yang lain. Keadaan demikian sudah pasti boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan iri hati di kalangan anggota-anggota ethnik yang berlainan.

Kertas ini cuba menganalisa reaksi kumpulan-kumpulan ethnik di Semenanjung Malaysia terhadap beberapa persoalan penting mengenai politik dan ekonomi di negeri ini. Analisa ini didasarkan kepada kajian yang dibuat di Mukim Labu, Negeri Sembilan dan di kawasan Majlis Bandaran Melaka.<sup>1</sup>

Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa persaingan diantara kumpulan-kumpulan ethnik untuk mendapatkan kuasa politik dan ekonomi menjadi punca pokok bagi pertumbuhan perasaan perkauman. Mana-mana kumpulan ethnik yang merasa bahawa penggunaan perasaan perkauman akan menguntungkan kumpulannya, maka perasaan tersebut akan terus dipelihara dan dipergunakan.

### **Perbedaan pendapat**

Berdasarkan kepada kajian mengenai pendapat dan sikap kumpulan-kumpulan ethnik di negeri ini terhadap kedudukan mereka dan bentuk layanan yang mereka terima, didapati ujud perbedaan yang besar di antara kumpulan ethnik Melayu dengan kumpulan ethnik bukan-Melayu. Contoh-contoh dibawah ini memperlihatkan berbagai reaksi mereka terhadap beberapa persoalan penting yang dikemukakan kepada mereka mengenai negara dan rakyat negeri ini. Contoh-contoh ini diambil dari penyelidikan sosiologi yang dibuat di mukim Labu, Negeri Sembilan dan juga di kawasan Bandar Melaka.

#### **1. Layanan**

Di antara beberapa soalan yang dikemukakan kepada responden di Mukim Labu ialah mengenai pendapat mereka tentang layanan kerajaan kepada rakyat:

“Semua rakyat Malaysia dari berbagai keturunan mendapat layanan yang sama dari kerajaan.”

Tiap-tiap responden diminta memberi pendapat masing-masing secara bertenun terang sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Responden-responden ini juga diminta memberi sebab-sebab mengapa mereka bersetuju dan tidak bersetuju dengan pendapat ini. Dari semua jawapan yang diterima dapat disimpulkan seperti dibawah:

Dari jumlah semua responden yang terdiri dari 134 orang, terdapat 36% yang bersetuju dengan kenyataan bahawa semua rakyat dari berbagai keturunan mendapat layanan yang sama dari kerajaan di negeri ini; manakala 53% lagi mengatakan tidak. Data di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah terdiri dari responden Melayu yang berjumlah 62%; sedangkan responden bukan-Melayu

**JADUAL 1**  
**SEMUA RAKYAT MALAYSIA MENDAPAT LAYANAN YANG SAMA**

Jawapan	Melayu (R* 50)	Tionghoa (R* 40)	India (R* 44)	Jumlah (R* 134)
Bersetuju	62%	25%	16%	36%
Tidak bersetuju	28%	58%	80%	53%
Tidak tahu	10%	12%	4%	10%
Enggan beritahu	—	5%	—	1%

\*R: bilangan responden.

yang bersetuju terdiri dari responden Tionghoa 25% dan responden India 16%. Mereka yang bersetuju dengan kenyataan ini, kebanyakannya berpendapat bahawa pihak kerajaan adalah memberi kebebasan dan peluang yang sama kepada semua rakyat untuk berusaha membaiki kehidupan masing-masing. Mereka yang rajin berusaha tidak kira apa keturunan akan berjaya.

Sebaliknya pula, mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini sebahagian besarnya terdiri daripada responden bukan-Melayu iaitu 80% responden India, 58% responden Tionghoa dan cuma 28% saja responden Melayu. Kebanyakhan responden bukan-Melayu ini dengan terang-terang mengatakan bahawa orang Melayu mendapat layanan yang lebih baik daripada kerajaan kerana berbagai kemudahan dan bantuan adalah diutamakan kepada orang-orang Melayu. Layanan yang baik ini diberikan kepada orang Melayu, menurut mereka, ialah kerana pemerintahan negeri ini berada ditangan orang Melayu.

Disamping itu, 28% responden Melayu yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini berpendapat bahawa perbedaan layanan di negeri ini tidak berlaku mengikut garis ethnrik kerana, menurut mereka, orang-orang yang berada dan baik kedudukannya tidak kira apa keturunannya adalah mendapat layanan dan keutamaan dari kerajaan jika dibandingkan dengan bentuk layanan yang diberikan kepada orang-orang tidak berada seluruhnya. Berbagai contoh tentang kemudahan dan keistimewaan yang didapati oleh golongan-golongan berada ini telah dikemukakan sebagai bukti.

## 2. Rakyat dan Pemerintahan

Satu soalan lain yang dikemukakan kepada semua responden ini ialah untuk meninjau pendapat mereka tentang hak seorang rakyat dinegeri ini. Soalan tersebut berbunyi:

“Semua orang yang menjadi rakyat negeri ini berhak memerintah negeri ini. Apa pendapat saudara?”

Daripada semua jawapan yang diterima menunjukkan bahawa 73% responden bersetuju dengan kenyataan ini; manakala 21% tidak bersetuju dan 5% menyatakan tidak tahu dan 1% lagi enggan memberi tahu. Jika peratus jawapan ini dianalisa mengikut kumpulan ethnrik, sekali lagi kita lihat perbedaan

pendapat yang jelas di antara kumpulan ethnik Melayu dengan kumpulan ethnik bukan-Melayu. Mereka yang bersetuju dengan kenyataan ini kebanyakannya terdiri dari responden bukan-Melayu iaitu 97% responden Tionghoa, 86% India dan responden Melayu yang bersetuju paling rendah peratusnya iaitu 40% saja. Sebaliknya pula mereka yang tidak bersetuju memberi hak yang sama ini kepada semua rakyat adalah terdiri sebahagian besarnya dari responden Melayu yang berjumlah 46%; manakala peratus responden bukan-Melayu amat kecil sekali iaitu India 9% dan Tionghoa 3%.

Kedua-dua soalan yang telah dibincang tadi menunjukkan bahawa perbezaan-perbedaan pendapat dikalangan responden ini adalah kuat sekali dipengaruhi oleh kepentingan kumpulan masing-masing. Persaingan untuk mendapatkan kemudahan dan keistimewaan tersebut telah menimbulkan perbedaan pendapat dan sikap yang jelas di antara mereka. Sungguhpun begitu oleh kerana sistem penentuan dan pembahagian hak dan kepentingan ini dibuat berdasarkan kepada garis ethnik, maka perbedaan pendapat dan sikap juga timbul mengikut garis ini. Walau bagaimanapun pertentangan pendapat ini bukan disebabkan oleh perbedaan kumpulan ethnik, tetapi punca sebenarnya ialah persaingan di antara mereka untuk mendapatkan kemudahan dan peluang-peluang yang sama.

Dalam satu kajian di Bandar Melaka, beberapa soalan penting telah dikemukakan kepada responden-responden yang terdiri daripada orang Melayu, Tionghoa, India dan Portugis untuk melihat reaksi mereka kepada persoalan itu. Salah satu soalan yang dikemukakan ialah tentang siapa yang memerintah Malaysia sekarang. Rumusan daripada jawapan mereka dapat dilihat dalam Jadual 2:

**JADUAL 2**  
**PADA PENDAPAT SAUDARA SIAPA YANG MEMERINTAH MALAYSIA SEKARANG?**  
**ADAKAH ORANG MELAYU, ORANG TIONGHOA, ORANG INDIA ATAU CAMPURAN**  
**DARI ORANG MELAYU, TIONGHOA DAN INDIA?**

Jawapan	Melayu (R* 131)	Tionghoa (R* 201)	India (R* 60)	Portugis (R* 36)	Jumlah (R* 428)
Melayu	51%	69%	56%	72%	62%
Tionghoa	2%	2%	2%	—	2%
India	—	—	—	—	—
Campuran	46%	27%	42%	28%	35%
Tidak tahu	1%	2%	—	—	1%

R\* bilangan responden.

Daripada jumlah 428 responden, didapati 62% daripadanya mengatakan orang Melayu yang memerintah Malaysia; manakala 35% mengatakan Malaysia diperintah oleh campuran dari wakil-wakil semua kumpulan ethnik; 2% mengatakan orang Tionghoa yang memerintah Malaysia dan 1% lagi tidak tahu.

Data dalam Jadual 2 jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar responden adalah berpendapat bahawa orang Melayu yang memerintah Malaysia. Pendapat ini sesuai dengan anggapan umum bahawa kuasa politik di negeri ini berada di tangan orang Melayu. Sungguhpun begitu, jika dilihat dari peratus mereka yang memberi pendapat ini; didapati bahawa peratus responden bukan-Melayu adalah lebih tinggi daripada peratus responden Melayu. Di antara kumpulan-kumpulan ethnik ini; didapati responden Portugis mempunyai peratus yang paling tinggi iaitu 72% yang berpendapat Malaysia diperintah oleh orang Melayu. Peratus ini diikuti oleh responden Tionghoa dengan 69%, India 56% dan Melayu 51%. Di antara alasan-alasan yang diberikan bagi menyokong pendapat ini:

- a) Badan-badan pembuat dasar dan undang-undang di negeri ini seperti Parlemen dan Majlis Undangan Negeri dikuasai oleh orang Melayu. Oleh kerana itu kebanyakan dasar dan undang-undang yang diluluskan seringkali lebih menguntungkan orang Melayu;
- b) Kebanyakan jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan dan politik dipegang oleh orang Melayu. Contoh-contoh yang selalu disebutkan ialah jawatan Perdana Menteri, Jawatan-Jawatan Menteri, Yang Di Pertuan Agung, Raja-Raja dan Governor serta Menteri-Menteri Besar yang senantiasa dipegang oleh orang Melayu;
- c) Orang-orang Melayu diberi Hak Istimewa dan bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi negeri ini; dan
- d) Pasukan tentara dan polis berada di tangan orang Melayu.

Dengan alasan-alasan ini, mereka menolak sama sekali yang pemerintahan negeri ini diperintah bersama oleh semua kumpulan ethnik melalui kerajaan Perikatan atau Barisan Nasional. Mungkin peratus responden bukan-Melayu yang menolak pemerintahan Barisan Nasional agak tinggi di sini oleh kerana kawasan ini adalah kubu DAP di mana Lim Kit Seang telah dua kali berjaya mempertahankan kerusi Parlemennya.

Sebaliknya pula, didapati 35% responden yang mengatakan negeri ini diperintah bersama oleh semua kumpulan ethnik melalui wakil-wakil mereka dalam Barisan Nasional. Pendapat ini nampaknya lebih banyak terdapat dikalangan responden Melayu 46% dan responden India 42%; sedangkan responden Tionghoa dan Portugis mempunyai peratus yang rendah sekali iaitu 28% Tionghoa dan 27% Portugis. Di antara alasan yang diberi bagi menyokong pendapat tersebut adalah:

- a) Parti yang memerintah Malaysia selama ini iaitu Parti Perikatan dan sekarang Barisan Nasional adalah gabungan beberapa parti politik yang mewakili kumpulan ethnik masing-masing: Melayu, Tionghoa dan India;
- b) Semua dasar yang dijalankan adalah dengan persetujuan pemimpin-pemimpin semua kumpulan ethnik dalam Perikatan dan Barisan Nasional;

- c) Semua badan-badan pembuat dasar mempunyai wakil dari berbagai parti politik yang mewakili kumpulan ethnik masing-masing; dan
- d) Menteri-menteri dalam kabinet terdiri dari berbagai kumpulan ethnik.

Kebanyakan responden ini menganggap bahawa kerajaan campuran di mana berbagai parti politik yang mewakili berbagai kumpulan ethnik bergabong untuk memerintah negeri ini adalah baik bagi rakyat negeri ini yang berbilang ethnik.

Berdasarkan kepada data ini dan juga alasan-alasan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak tadi, kita dapat membuat beberapa kesimpulan tentang perkara ini:

- a) Lebih banyak orang bukan-Melayu daripada orang Melayu yang menganggap Malaysia diperintah oleh orang Melayu saja. Beberapa simbol dan lambang (token) pemerintahan, kekuasaan dan keistimewaan yang ada ditangan segolongan kecil orang Melayu telah dianggap sebagai kepunyaan orang Melayu seluruhnya. Manakala pendapat orang Melayu pula berbelah bagi. Sungguhpun perasaan mereka berkata orang Melayu yang memerintah Malaysia; tetapi pada kenyataannya mereka lihat bahawa orang Melayu tidak dapat berbuat sesuatu sesuka hati mereka tanpa perundingan, persetujuan dan kerjasama dari berbagai kumpulan ethnik lain,
- b) Kebanyakan responden memandang bahawa penumpuan kuasa itu berada pada sesuatu kumpulan ethnik tertentu dan persaingan untuk mendapatkan kuasa ini adalah persaingan di antara kumpulan-kumpulan ethnik. Kedua-dua anggapan ini tidak benar. Penumpuan kuasa sebenarnya adalah berada pada golongan ‘elite’ negeri ini yang terdiri dari berbagai kumpulan ethnik. Manakala persaingan untuk mendapat kuasa politik ini pula adalah berlaku di antara golongan ‘elite’ dari berbagai kumpulan ethnik bukan di antara kumpulan-kumpulan ethnik seluruhnya.

Satu lagi perkara yang menarik untuk kita tinjau pendapat berbagai kumpulan ethnik ialah berhubungan dengan pemberian hak istimewa kepada orang-orang melayu. Pertentangan pendapat tentang hak istimewa orang Melayu ini bukan saja terdapat dikalangan orang bukan-Melayu; tetapi juga timbul dikalangan orang Melayu sendiri.

Soal pemberian hak istimewa ini telah menimbulkan berbagai reaksi dikalangan rakyat negeri ini bukan saja kerana pemberian hak ini diasaskan kepada asal keturunan semata-mata; tetapi juga timbul kerana cara pembahagian dan pelaksanaannya tidak memuaskan. Selain dari itu, istilah ‘orang Melayu’ itu sendiri boleh menimbulkan keraguan dan salah faham. Berdasarkan kepada Perlembagaan kita orang Melayu itu ialah “a person who professes the Muslim religion, habitually speaks the Malay language and conforms the Malay customs”. Berpandukan kepada definisi ini jelas sekali bahawa untuk menjadi seorang Melayu faktor keturunan tidak dipentingkan. Apa yang lebih dipen-

tingkan ialah agamanya agama Islam; bahasa pergunaannya bahasa Melayu dan adat resamnya adat Melayu. Ketiga-tiga kualiti penting ini memang boleh dicapai dan dipelajari oleh siapa saja yang ingin menjadi seorang Melayu.

Disamping itu diakhir-akhir ini istilah ‘Bumiputra’ seringkali digunakan. Banyak kemudahan dan peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan khas untuk ‘Bumiputra’. Dengan adanya istilah kedua ini, timbul soalan adakah semua ‘Bumiputra’ berhak menerima hak istimewa yang dikhaskan kepada ‘orang Melayu’? Sekiranya ‘Melayu’ dan ‘Bumiputra’ itu tidak sama, berarti negara kita mempunyai sekurang-kurangnya tiga jenis rakyat. Pertamanya, orang Melayu; Keduanya, Bumiputra dan Ketiganya, orang bukan-Bumiputra.

Pemberian hak istimewa ini, sebenarnya, walau apapun alasan yang kita beri untuk membenarkan tindakan kita adalah merupakan satu bentuk diskriminasi kerana pemberian ini mengutamakan satu kumpulan daripada kumpulan yang lain berdasarkan asal keturunan. Oleh kerana itu tidak hairan sekiranya dalam masyarakat berbilang kumpulan ethnik seperti Malaysia ini, persoalan tentang pemberian hak istimewa ini menjadi satu isue yang amat sensitif sekali sehingga terpaksa dicipta satu undang-undang khas untuk menghalang perbincangan umum mengenainya.

Dalam keadaan demikian, kita harus sedar bahawa penciptaan undang-undang saja tidak membawa apa-apa penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi sekarang. Walaupun undang-undang ini telah diluluskan dan perbincangan terbuka mengenai hal ini kelihatan tidak ada lagi; tetapi ini tidak bererti bahawa perasaan tidak puas hati dan protes dari golongan-golongan tertentu terhadap soal ini juga turut lenyap sama sekali. Sekiranya kita benar-benar ingin mencari perpaduan rakyat, benar-benar ingin menyelesaikan salah faham dan masalah perhubungan rakyat, maka perasaan dan sikap berbagai kumpulan ethnik ini perlu dikaji dan difahami sedalam-dalamnya.

### 3. Hak Istimewa

Dalam penyelidikan di Bandar Melaka, satu soalan lagi yang dikemukakan kepada 428 responden dari berbagai kumpulan ethnik itu ialah tentang pendapat mereka terhadap pemberian hak istimewa orang Melayu ini. Soalannya berbunyi:

“Adakah saudara bersetuju orang Melayu diberi hak Istimewa?”

Jawapan-jawapan yang diterima dapat dilihat dalam Jadual 3:

Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa 66% daripada semua responden bersetuju dengan pemberian ini dan cuma 30% daripada mereka yang tidak bersetuju. Jika peratus responden yang bersetuju ini kita lihat mengikut kumpulan ethnik, kita dapat peratus bersetuju yang paling tinggi sekali datangnya dari kumpulan ethnik Melayu iaitu 91%. Peratus bersetuju yang kedua tingginya datang dari kumpulan ethnik India 60%, diikuti oleh

**JADUAL 3**  
**ADAKAH SAUDARA BERSETUJU ORANG MELAYU DIBERI HAK ISTIMEWA?**

Jawapan	Melayu (R* 131)	Tionghoa (R* 201)	India (R* 60)	Portugis (R* 36)	Jumlah (R* 428)
Setuju	91%	54%	60%	47%	66%
Tidak setuju	8%	39%	37%	47%	30%
Tidak tahu	1%	1%	2%	6%	1%
Tidak jawab	—	6%	1%	—	3%

\*R: bilangan responden.

Tionghoa 54% dan Portugis 47%. Menjawab pertanyaan mengapa orang Melayu patut diberi hak istimewa ini? Kebanyakan responden Melayu menjawab:

“Ini negeri Melayu jadi orang Melayu mesti diberi keistimewaan.”

“Ini adalah hak orang Melayu.”

“Orang Melayu kebanyakannya miskin”.

Responden Melayu lebih banyak yang menekankan pemberian ini sebagai hak mereka; manakala responden bukan-Melayu bersetuju pemberian ini sebagai satu usaha untuk memperbaiki kehidupan orang Melayu supaya mencapai taraf kemajuan yang sama dengan orang bukan-Melayu. Oleh kerana itu kebanyakan responden bukan-Melayu yang bersetuju ini menegaskan bahawa pemberian ini mestilah mempunyai jangka masa yang tertentu. Sebaliknya pula mereka semua sependapat bahawa mereka menentang pemberian ini sekiranya ia merupakan pemberian yang berkekalan.

Satu perkara yang menarik dari reaksi ini ialah tentang adanya hubungan di antara kedudukan ekonomi dengan bentuk pendapat yang dikemukakan. Keadaan ini jelas sekali terdapat dikalangan responden bukan Melayu. sebahagian besar responden yang bersetuju ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang agak baik. Sedangkan mereka yang tidak bersetuju pula kebanyakannya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Sungguhpun begitu keadaan ini tidak berlaku dikalangan responden Melayu kerana hampir semuanya, kecuali 8%, adalah menyokong kuat pemberian ini.

Mereka yang tidak bersetuju dengan pemberian hak istimewa ini terdiri daripada 47% responden Portugis, 39% responden Tionghoa, 37% responden India dan 8% responden Melayu. Di antara alasan yang mereka kemukakan ialah:

“Bantuan ini tidak patut diberi kepada orang Melayu saja sebab ada orang bukan-Melayu yang susah dan perlukan bantuan kerajaan”.

“Orang Melayu yang miskin patut ditolong tetapi orang Melayu bukan semuanya miskin”.

“Dalam negeri demokrasi bantuan kerajaan mesti diberi secara adil. Jika kerajaan mahu bantu orang miskin, semua orang miskin tidak kira apa

bangsa mesti dibantu. Jika orang miskin Melayu saja dapat bantuan tentu orang miskin lain bangsa tidak puas hati”.

Alasan-alasan yang dikemukakan ini menunjukkan pada prinsipnya pemberian bantuan kepada orang-orang yang miskin untuk membaiki kehidupan mereka memang disokong; tetapi perkara yang menimbulkan rasa tidak puashati ialah tentang pemberian tersebut yang dibuat berdasarkan garis ethnik bukan berdasarkan kepada golongan yang senasib. Oleh kerana itu tidak hairan sekiranya golongan yang tidak berada dari golongan orang bukan-Melayu lebih banyak tidak menyetujui pemberian ini kerana pada perhitungan mereka, mereka juga berhak menerimanya. Sebaliknya, sebahagian besar responden Melayu menyokong kuat pemberian ini oleh kerana mereka merasa bahawa perbuatan ini akan menguntungkan mereka.

Satu lagi perkara yang menarik tentang soal hak istimewa ini ialah tentang anggapan orang bukan Melayu terhadap bilangan orang Melayu yang menikmati hak istimewa ini. Dari kajian yang dilakukan di Mukim Labu, tiap-tiap responden bukan-Melayu ditanya:

“Dalam tiap-tiap 10 orang Melayu berapa orang Melayu yang mendapat hak istimewa ini?”

Reaksi mereka kepada soalan ini dapat dilihat dalam Jadual 4 yang diberi di bawah ini:

JADUAL 4  
DALAM TIAP-TIAP 10 ORANG MELAYU BERAPA ORANG YANG MENDAPAT HAK ISTIMEWAINI?

Jawapan	Tionghoa (R* 40)	India (R* 44)	Jumlah (R* 84)
1 — 5 orang	3%	27%	16%
6 — 7 orang	5%	23%	14%
8 — 9 orang	8%	19%	13%
10 orang	47%	6%	26%
Tidak tahu	37%	25%	31%

R\*: bilangan responden.

Data di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang bukan Melayu mempunyai anggapan bahawa sebahagian besar orang Melayu menerima hak istimewa ini. Malah ramai pula yang berpendapat bahawa semua orang Melayu menikmati hak istimewa ini. Anggapan yang demikian sudah tentu boleh menimbulkan bermacam-macam perasaan buruk sangka, tidak puas hati, cemburu, marah dan sebagainya kepada orang Melayu. Selain dari itu, jawapan-jawapan ini juga menunjukkan bahawa 31% daripada responden ini menyatakan tidak tahu kedudukan pembahagian hak istimewa itu yang sebenarnya. Secara umumnya data ini menunjukkan bahawa ramai sekali dikalangan orang bu-

kan-Melayu yang tidak mengetahui kedudukan sebenarnya tentang pemberian hak istimewa ini. Mungkin keadaan ini terdapat juga dikalangan orang Melayu sendiri.

Dalam kajian yang sama misalnya, daripada 50 responden Melayu yang dijaki didapati hanya lima orang atau 10% saja yang menyatakan mereka ada menerima hak istimewa ini; sedangkan 45 orang atau 90% lagi mengatakan tidak pernah menerima apa-apa bentuk hak istimewa. Di antara lima orang ini, dua daripadanya adalah terdiri daripada golongan berada di Mukim ini dan memainkan peranan cergas dalam pergerakan politik UMNO tempatan; manakala yang tiga orang lagi terdiri daripada petani dan pekerja yang berpendapatan rendah. Sungguhpun begitu mereka ketiga-tiga ini menjadi ahli jawatankuasa ranting UMNO dalam Mukim ini.

Keadaan ini membuktikan bahawa keadaan sebenarnya tentang pembahagian hak istimewa ini adalah bertentangan dengan anggapan kebanyakan orang bukan-Melayu. Hak istimewa ini bukan saja dinikmati oleh satu golongan kecil orang Melayu; tetapi kebiasannya mereka ini dari golongan yang berada dan sudah istimewa kedudukannya serta menjadi orang kuat UMNO atau sekurang-kurangnya menjadi penyokong kuat kerajaan. Sebaliknya pula, jika ada orang Melayu yang benar-benar memerlukan bantuan tetapi bergerak cergas dalam parti-parti politik pembangkang, maka kebiasaan mereka untuk menikmati apa yang dikatakan hak istimewa itu adalah tipis sekali.

Pemberian hak istimewa ini sebenarnya menguntungkan lagi golongan orang Melayu yang sudah istimewa; sedangkan sebilangan besar orang Melayu lainnya tidak berubah juga nasibnya. Sementara itu kita lihat bahawa pemodal-pemodal dalam dan luar negeri, golongan-orang-orang berada dari semua bangsa telah diberi bermacam-macam kemudahan, bantuan, peluang dan konsesi oleh pihak pemerintah. Pemberian-pemberian ini sudah tentu lebih istimewa daripada hak istimewa orang Melayu.

### **Punca konflik**

Perbincangan kita mengenai pertentangan pendapat dikalangan kumpulan-kumpulan ethnik menunjukkan bahawa perbedaan dan pertentangan pendapat itu bukanlah berpunca daripada perbedaan asal keturunan mereka dan kebudayaan. Perbedaan-perbedaan ini adalah membayangkan keinginan berbagai kumpulan ethnik tadi untuk memiliki dan menikmati barang-barang yang paling berharga dalam kehidupan mereka.

Sungguhpun begitu, oleh kerana kepentingan dan hak rakyat negeri ini ditentukan oleh undang-undang dan perlembagaan yang berdasarkan garis ethnik, maka pertentangan pendapat juga timbul mengikut garis ethnik tersebut. Kumpulan ethnik yang kepentingan dan haknya mendapat perlindungan undang-undang akan menyokong kuat perlindungan ini; manakala kumpulan-kumpulan ethnik lain pula cuba menentang perbuatan ini kerana mereka juga ingin mendapat perlindungan yang sama. Pertentangan pendapat yang demikian bo-

leh memperhebatkan lagi perasaan perkauman ethnik dikalangan rakyat.

Punca pertentangan atau konflik di antara kumpulan-kumpulan ethnik ini sebenarnya timbul dari persaingan untuk mendapatkan kepentingan ekonomi dan politik di negara ini. Persaingan di antara kumpulan-kumpulan ethnik ini menjadi bertambah hebat setelah kita mencapai kemerdekaan oleh sebab masing-masing berlumba untuk mengisi kekosongan dan merebut peluang-peluang yang ditinggalkan oleh penjajah. Perubahan-perubahan yang dibuat di bidang pelajaran, ekonomi, politik dan kebudayaan selepas kemerdekaan telah berjaya memusnahkan beberapa faktor penghalang yang dulunya sengaja diadakan untuk memecah-belahkan kumpulan ethnik di negeri ini. Dengan berkurangnya tembok-tembok pengasingan di antara berbagai kumpulan ethnik tersebut telah menyebabkan kumpulan-kumpulan ethnik ini bukan lagi bertanding dalam bidang-bidang yang berlainan untuk tujuan-tujuan yang berlainan; akan tetapi mereka bertanding dalam bidang-bidang yang sama untuk tujuan dan kepentingan yang sama. Dasar ‘free-enterprise’ yang diamalkan di negeri ini telah menggalakkan lagi pertandingan-pertandingan di antara kumpulan-kumpulan ethnik ini dalam semua bidang.

Rancangan-rancangan perubahan yang sedang dan akan dilaksanakan sekarang untuk pembangunan dan permodenan rakyat akan memperhebatkan lagi persaingan dan pertandingan di antara kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan ini. Berbagai kumpulan ethnik akan berlumba-lumba untuk merebutkan peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang pelajaran, perumahan, peluang-peluang ekonomi dan juga pengaruh politik yang dibawa oleh perubahan-perubahan baru ini. Persaingan-persaingan ini sudah pasti boleh meruncingkan perhubungan di antara kumpulan-kumpulan ethnik oleh kerana rancangan-rancangan perubahan ini dibuat mengikut garis ethnik. Tambahan pula pihak kerajaan sendiri selalu membesar-besarkan rancangan-rancangan dan pembangunannya yang mengutamakan satu kumpulan misalnya orang Melayu atau ‘Bumiputra’ daripada yang lain.

Pengumuman-pengumuman ini dengan pantas memberikan pengharapan yang tinggi dikalangan orang-orang Melayu atau Bumiputra dari rancangan-rancangan tadi. Secara tidak langsung usaha ini mempertebalkan lagi perasaan perkauman dikalangan orang Melayu. Sebaliknya pula, semakin banyak pengumuman yang dibuat untuk memberi bantuan kepada orang Melayu atau Bumiputra, maka semakin banyak pula bilangan orang-orang bukan Melayu yang merasa kurang senang dan cemburu terhadap rancangan dan bantuan tersebut. Akibatnya, perasaan tidak puashati dikalangan orang bukan Melayu akan bertambah kerana pada anggapan mereka semua orang Melayu mendapat keuntungan dan kemudahan daripada rancangan yang dicanangkan itu. Sedangkan keadaan sebenarnya, rancangan-rancangan ini menguntungkan hanya sebahagian kecil orang Melayu, istimewa golongan yang sudah istimewa kedudukannya.

Oleh itu, rancangan-rancangan pembangunan yang dibuat berdasarkan garis

ethnik tidak akan membawa persefahaman dan perpaduan yang sebenarnya; sebaliknya rancangan yang demikian akan menambah lagi ketegangan dalam perhubungan di antara kumpulan-kumpulan ethnik serta menggalakkan kumpulan-kumpulan yang berbeda ini supaya lebih menyedari lagi tentang perbezaan-perbedaan di antara mereka.

Sungguhpun begitu, pada kenyataannya persaingan untuk mendapatkan kepentingan ekonomi maupun politik dari perubahan-perubahan yang sedang dan akan berlaku itu bukan persaingan di antara kumpulan ethnik secara keseluruhannya; tetapi terjadi hanya di antara golongan-golongan tertentu dari berbagai kumpulan-kumpulan ethnik itu. Dengan menggunakan nama kumpulannya dan memperalatkan isue-isue perkauman, golongan ini berlumba-lumba di antara mereka untuk mencapai tujuan-tujuan ekonomi dan politik mereka. Seperti kata D.L. Horowitz, "... if there is anything universal about ethnic conflict, it is the struggle of the educated middle-classes of different races for predominance in the lucrative, prestigious, white-collar positions originally created by the colonialists." Dalam masyarakat kita, persaingan di antara golongan-golongan 'menengah' dan golongan 'elite' dari berbagai kumpulan ethnik amat jelas sekali. Dengan bertindak sebagai jurubicara dan pejuang kepentingan kumpulan ethniknya, mereka dengan mudah mendapat sambutan dan kepercayaan dari berbagai strata dalam kumpulannya.

Walaupun kadangkala golongan-golongan ini membuat tuntutan dan desakan yang berbeda serta bertentangan di antara satu sama lain; sungguhpun begitu mereka dapat bekerjasama dan bersatu dikalangan mereka. Dilapangan politik misalnya, kita dapat golongan 'elite' dari semua kumpulan ethnik telah bersatu untuk memerintah negeri ini. Dilapangan ekonomi pula terdapt berbagai bentuk kerjasama di antara golongan-golongan pemodal dan ahli-ahli perniagaan dari semua kumpulan ethnik untuk mencari kekayaan dan keseimbangan. Kerjasama dan perpaduan dikalangan golongan ini ujud berasaskan kepada kepentingan mereka yang sama iaitu kuasa, kekayaan dan prestij. Sungguhpun begitu, golongan-golongan ini sendiri menghadapi konflik dikalangan mereka kerana masing-masing ingin mengatasi dan melebihi yang lain dalam persaingan untuk mendapat kuasa dan prestij itu.

Golongan 'elite' yang terdiri daripada berbagai kumpulan ethnik ini memainkan peranan yang penting sekali dalam merancang dasar dan juga melaksanakan pembangunan di negeri ini. Segala perubahan yang dirancangkan adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan golongan ini dan memperkuatkan lagi kedudukannya. Usaha-usaha kerajaan untuk memperkuatkan lagi golongan ini dapat dilihat dari tujuan ucapan Tan Sri Ghazali Shafei, Menteri Dalam Negeri;

"If this nation is to survive we just cannot afford to fail in this task of restructuring society so that a truly national middle-class, modern and creative, would come into being to serve as the stout foundation for the kind of democracy we all want and understand."<sup>9</sup>

Keujudan kelas menengah national bukan saja dipandang sebagai asas perkembangan demokrasi di negeri ini; tetapi juga merupakan asas kepada perpaduan rakyat. Oleh kerana ini Tan Sri Ghazali Shafei mencadangkan supaya rancangan-rancangan perindustrian dan perbandaran hendaklah dipertingkatkan bagi mewujudkan kelas tersebut.<sup>10</sup>

Oleh sebab ‘priority’ diberi kepada pembentukan kelas menengah national dalam rancangan pembangunan di negeri ini, telah menyebabkan golongan majoriti rakyat merasa tidak puashati dengan kadar pembangunan dikalangan mereka. Rakyat yang benar-benar memerlukan perubahan dalam kehidupan mereka seperti golongan tani, pekerja dan nelayan merasa kehidupan mereka bertambah buruk dan masa depan mereka akan terancam oleh perubahan-perubahan baru ini. Kegelisahan dan frustrasi ini semakin lama semakin bertambah dan akhirnya meletus. Peristiwa 13 Mei 1969<sup>11</sup> adalah satu manifestasi protes dan tidak puashati golongan rakyat yang benar-benar memerlukan perubahan. Walaupun tindakan dan perlakuan mereka berbentuk perkauman; tetapi punca konflik di antara kumpulan ini yang mencetuskan peristiwa tersebut ialah persaingan untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, kemudahan-kemudahan hidup dan persamaan hak sebagai rakyat di negeri ini.

### **Perpaduan nasional**

Peristiwa 13 Mei akhirnya telah menyedarkan kerajaan dan rakyat negeri ini tentang betapa salahnya anggapan kita selama ini terhadap keadaan perhubungan ethnik di sini. Peristiwa ini juga telah menunjukkan bahawa perhubungan ethnik di negeri ini tidak seharmonis seperti mana yang selalu digambarkan. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaannya bertambah buruk dan membimbangkan.

Untuk mengatasi keadaan ini kerajaan telah bertindak menjadikan usaha mewujudkan perpaduan nasional sebagai objektif nasionalnya. Dalam usaha ini kerajaan berazam hendak menyatupadukan rakyat dari semua kumpulan ethnik supaya mereka ini dapat memberikan taat setia dan dedikasi yang tidak berbelah bagi kepada negeri ini.

Usaha untuk mewujudkan perpaduan rakyat adalah merupakan satu tugas besar yang dihadapi oleh negara-negara yang sedang membangun. Tugas ini bertambah rumit lagi di negara kita dengan adanya penduduk yang berbilang ethnik. Sungguhpun begitu, sekiranya kita benar-benar ingin mengatasi masalah perkauman dan mewujudkan perpaduan nasional dikalangan rakyat, sudah pasti kita akan berjaya akhirnya.

Masalah pertentangan atau konflik yang ujud dikalangan kumpulan-kumpulan ethnik di negeri ini tidak melibatkan anggota-anggota kumpulan ethnik seluruhnya. Disamping itu, pertentangan hebat yang berlaku dikalangan golongan ‘middle-class’ dan golongan ‘elite’ dari berbagai kumpulan ethnik di sini tidak memecah-belahkan mereka; malahan terdapat kerjasama dan perpaduan

yang kuat dikalangan mereka. Kerjasama dan perpaduan mereka ini adalah di-asaskan kepada persamaan kepentingan mereka.

Sungguhpun begitu, oleh kerana perkauman ethnik selalu diperalatkan oleh golongan-golongan tertentu dalam masyarakat kita untuk mendapatkan kepentingan mereka sendiri telah menyebabkan timbul ketegangan dan perasaan tidak puashati yang berlaku mengikut garis ethnik. Oleh itu, masalah perkauman ini hendaklah dilihat sebagai masalah exploitasi satu golongan oleh golongan yang lain. Exploitasi ini berlaku di antara golongan yang istimewa dengan golongan yang tidak istimewa. Kedua-dua golongan ini adalah terdiri dari anggota-anggota semua kumpulan ethnik. Oleh yang demikian, segala bentuk exploitasi yang dilakukan oleh satu kumpulan atau golongan terhadap golongan yang lain mestilah dihindarkan.

Rancangan-rancangan perubahan dan pembangunan mestilah mengutamakan golongan yang tidak berada tanpa mengira siapa mereka. Peluang-peluang pekerjaan, kemudahan-kemudahan hidup, kemudahan-kemudahan kesihatan, peluang-peluang pelajaran dan sebagainya hendaklah disediakan kepada golongan ini supaya mereka juga dapat menikmati taraf hidup yang memuaskan.

Perpaduan nasional adalah satu proses yang melibatkan penukaran dan pemecahan bentuk-bentuk perhubungan yang lama kepada pembentukan dan perhubungan yang baru dengan tujuan hendak menimbulkan satu jenis keperibadian yang baru dikalangan rakyat. Kejayaannya akan kita capai apabila semua kumpulan-kumpulan yang telah kehilangan sebahagian daripada ciri-ciri kumpulannya itu dapat bersatupadu bagi menegakkan satu keperibadian nasional yang baru.

Tindakan seperti ini sudah tentu memerlukan persefahaman, pengorbanan dan keyakinan dari semua kumpulan ethnik terhadap tujuan dan cita-cita penegakan perpaduan nasional itu. Oleh kerana itu segala dasar dan cara pelaksanaan dasar bagi mencapai perpaduan nasional ini hendaklah berbentuk demokratik, objektif, konstruktif dan tidak perkauman. Dasar-dasar demikian hanya dapat diujudkan apabila badan-badan pembuat dasar itu sendiri tidak berbentuk perkauman; yakin kepada kebaikan dasar ini dan juga menentang sebarang perbuatan memperalatkan perasaan perkauman untuk kepentingan golongan tertentu.

## Kesimpulan

Dasar kerajaan yang mengutamakan pembangunan dan kepentingan sesuatu kumpulan ethnik yang tertentu telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan cemburu dikalangan kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan. Dasar yang demikian secara tidak langsung telah mengiktiraf faktor ethnik sebagai satu faktor yang penting.

Pengiktirafan ini sudah tentu akan menggalakkan lagi pertumbuhan perasaan perkauman. Mana-mana kumpulan ethnik yang mendapat keuntungan daripada dasar tersebut sudah tentu akan menyokongnya. Sebaliknya pula kum-

pulan ethnik yang merasa tidak mendapat apa-apa keuntungan daripadanya akan cuba menentangnya. Malah ada di antara anggota-anggota kumpulan-kumpulan ethnik tersebut yang menganggap dasar demikian sebagai satu diskriminasi ethnik.

Dalam usaha kita mencari perpaduan nasional, segala tindakan yang boleh menimbulkan salah faham, tidak puas hati dan iri hati dikalangan kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan hendaklah dihindarkan. Perpaduan nasional hanya boleh ujud apabila perasaan perkauman dapat dikurang dan dilemahkan. Oleh itu lebih banyak usaha mestilah dijalankan untuk melemahkan perasaan perkauman ini disamping menggalakkan lagi kerjasama dan perpaduan yang merentas garis ethnik. Apabila faktor ethnik tidak dianggap penting lagi untuk mendapat kemudahan ekonomi dan keuntungan politik, maka barulah mudah keperibadian nasional dan perpaduan nasional itu ditegakkan.

## Catatan Kaki

- 1 Kajian di Mukim Labu dibuat dalam pertengahan tahun 1970 untuk Thesis M.A. Saya terhutang budi kepada penyelia dan sahabat saya Dr. S. Husin Ali kerana bimbingan dan kritikan-nya yang berguna. Kajian di Melaka diasaskan kepada penyelidikan Ph.D yang dibuat dalam tahun 1975.
- 2 Lihat Fasal 153 Perlembagaan Malaysia.
- 3 Lihat Fasal 160 (2) Perlembagaan Malaysia.
- 4 Dalam Akta Penghasut yang diluluskan dalam tahun 1970 melarang perbincangan umum mengenai soal Bahasa Kebangsaan, Hak istimewa orang Melayu, kedudukan Raja-Raja, soal kerakyatan dan kedudukan agama rasmi.
- 5 Mengikut pindaan Perlembagaan yang dibuat selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, pindaan peruntukan hak istimewa ini bukan saja memerlukan 2/3 persetujuan Parlemen tetapi juga mesti diluluskan oleh Persidangan Raja-Raja. Lihat Fasal 159 dalam Perlembagaan Malaysia.
- 6 Dalam satu kajian yang dibuat dikalangan pekerja-pekerja Melayu di Lembaga Letrik Negara, Kuala Lumpur, didapati 94% daripada 88 orang pekerja di tempat itu mengatakan bahawa mereka tidak pernah menerima apa-apa hak istimewa. Lihat Abdul Halim Ali, *Sikap Pekerja Perusahaan*, Thesis M.A., Universiti Malaya, 1970, m.s. 189.
- 7 Analisa yang menarik tentang hal ini telah dibuat oleh S. Husin Ali, "Some Aspects of Change, Mobility And Conflict In Post-Merdeka Malaysia", dalam *Manusia dan Masyarakat*, Bil. 1, 1972, m.s. 51–60.
- 8 Donald L. Horowitz, "Multi-racial Politics in the New States: Toward a Theory of Conflict", dalam Robert J. Jackson & Michael B. Stein (Ed.) *Issues in Comparative Politics*, Macmillan: London, Toronto, 1971; m.s. 164–80.
- 9 Mohd. Ghazali Shafei, "Democracy: The Realities Malaysians Must Face", ucapan di Dewan Negara, Kuala Lumpur, March 5, 1971.
- 10 Ibid.
- 11 Beberapa pergaduhan lain yang melibatkan orang Melayu dan bukan Melayu telah berlaku berulang kali. Misalnya pergaduhan di Pulau Pinang dalam bulan Januari 1957 ketika Pulau Pinang merayakan penerimaan Status Bandar Raya; Mei 1959 berlaku pula pergaduhan di Pulau Pangkor; kemudian di Bukit Mertajam dalam tahun 1964 dan Rusuhan Hartal di Pulau Pinang dalam tahun 1968. Peristiwa 13 Mei 1969 telah banyak ditulis, antaranya: Goh Cheng Teik, *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*, Oxford University Press 1971; Slimming, John, *Malaysia, Death of a Democracy*, London, John Murray, 1969; *The May 13 Tragedy*, oleh The National Operations Council, Kuala Lumpur 1969; Reid, Anthony, "The Kuala Lumpur Riots and the Malaysian Political System." *Australian Outlook* 23, No. 3 (1969): m.s. 258–78.

## RUJUKAN:

- Depress, A. (Ed.), *Ethnicity and Resource Competition in Plural Society*, The Hague, Paris, Mouton Publishers, 1975.
- Esman, Milton J., "Communal Conflict in Southeast Asia" in Nathan Glazer and D.P. Moynihan (Eds.), *Ethnicity: Theory and Experience*, Cambridge: Harvard University Press, 1975.
- Halim Ali, *Sikap Pekerja Perusahaan*, Thesis M.A., Universiti Malaya, 1970.
- Horowitz, D.L., "Multi-racial Politics in the New States: Toward a Theory of Conflict" dalam R.J. Jackson & M.B. Stein (Eds), *Issues in Comparative Politics*, London: Macmillan 1971, m.s. 164-80.
- Lockwood, David, "Race, Conflict and Plural Society" dalam Sami Zubaida (Ed), *Race and Racism*, London: Tavistock Publication, 1970.
- S. Husin Ali, "Some Aspects of Change, Mobility and Conflict in Post-Merdeka Malaysia", dalam *Manusia dan Masyarakat*, Bil. 1. 1972, m.s. 51-60.
- Simpson, G.E. & Yinger, J.M., *Racial and Cultural Minorities: An Analysis of Prejudice and Discrimination*, New York: Harper and Row, 1972.
- Organization for Economic Co-operation and Development. "Development of Higher Education 1950-1967". Paris; O.E.C.D. Publications.
- Puthucheary, Mavis. C., *Administration, Politics and Development*.
- Roff, W.R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur; Oxford University Press.
- Vlieland, C.A. British Malaya: *A Report on 1931 Census (and Certain problems of vital statistics)*. London; Crown Agent for the Colonies.
- West, K. "Stratification and Ethnicity in 'Plural' New States." *Race*. Vol 13. No. 4.
- Wong. H.H. and Ee. T.H. *Education in Malaysia*.
-